

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HTV 201 Teknik Berfikir

Masa : [2 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Kertas ini mengandungi DUA [2] bahagian, bahagian A dan bahagian B. Jawab SATU [1] soalan bagi setiap bahagian.

Sila catatkan nama PENSYARAH/TUTOR yang mengendalikan tutorial anda di sudut kiri bahagian atas kulit buku jawapan anda.

BAHAGIAN A:

1. Para pengguna sudah pun mulai merungut bahawa banyak barang-barang keperluan asas, seperti gula, tepung dan minyak masak sudah dijual dalam kuantiti yang sedikit setiap hari setelah diumumkan tarikh harga baru bagi barang-barang keperluan tersebut. Ini telah menimbulkan rasa gelisah di kalangan pengguna. Dengan mengguna alat-alat berfikir yang sesuai buat cadangan:
 - [a] bagaimana mententeramkan perasaan pengguna.
 - [b] supaya kerajaan boleh bertindak sekarang untuk menjaga kepentingan pengguna.
 - [c] agar pembekal tidak mudah bertindak sesuka hati.
2. [a] Dengan menggunakan alat berfikir CoRT seperti CAF/Ambil Kira Semua Faktor, C&S/Kesan & Akibat, AGO/Matlamat, Tujuan dan Objektif, FIP/Pilihan Keutamaan, APC/Alternatif, Kemungkinan dan Pilihan dan OPV/Pandangan Orang Lain, rancangkan satu program untuk mengatasi masalah kemerosotan minat pelajar terhadap mata pelajaran sains.

ATAU

- [b] Gunakan alat enam topi berfikir, janakan idea-idea selari tentang kemerosotan minat pelajar terhadap mata pelajaran sains dan kemudian rancangkan satu program untuk mengatasi masalah tersebut.

3. Malaysia sedang menghadapi masalah kejatuhan nilai ringgit. Perkara ini telah memberi kesan terhadap ekonomi dan kehidupan secara menyeluruh. Dengan mengguna alat-alat berfikir yang telah anda pelajari selami masalah ini dan berikan cadangan mengikut perspektif masyarakat awam, bagaimana rakyat Malaysia dapat sama-sama menanganinya.

Alat-alat berfikir yang perlu digunakan ialah Kebaikan, Keburukan dan Menarik (PMI), Kesan dan Akibat (C&S), Alternatif, Kemungkinan dan Pilihan (APC), Pendapat Orang Lain (OPV) dan Tujuan, Matlamat dan Objektif (AGO).

BAHAGIAN B:

4. Dengan menggunakan asas-asas pemikiran kreatif yang merujuk kepada penyelesaian masalah atau analisis, selesaikan masalah-masalah berikut:
- [i] Bayangkan anda sedang berada dalam tahun 2020. Apakah bentuk atau ciri-ciri kereta yang paling digemari pada ketika itu? Anda dibenarkan membuat lakaran di mana perlu (Penyelesaian masalah secara rekabentuk).
 - [ii] Cadangkan cara-cara penyelesaian masalah meletakkan kenderaan dalam kampus induk USM (Penyelesaian masalah secara rekabentuk).
5. Baru-baru ini Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Muhamad, menggalakkan para petani menanam tumbuh-tumbuhan herba yang bernilai perubatan. Sehubungan itu, Pengurus Kebun Bunga Botanik, Pulau Pinang telah menyediakan satu plot tanah untuk menanam sebanyak mungkin tumbuh-tumbuhan jenis itu. Para pelajar Botani Universiti Sains Malaysia telah diagihkan tugas menanam tanaman jenis itu sebagai projek penyelidikan tahunan. Walau bagaimanapun terdapat satu masalah besar, iaitu terdapat satu traib monyet yang berjumlah 38 ekor masih menetap di kawasan kebun bunga tersebut. Monyet-monyet ini sentiasa merosakkan tanaman, terutama tanaman herba yang bernilai perubatan. Sebagai pakar perunding projek, anda telah diminta oleh Pengurus Kebun Bunga Botanik itu membuat cadangan supaya tanaman tersebut tidak diganggu, dan monyet-monyet tersebut masih boleh menetap di kawasan itu sebagai satu tarikan pelancongan.
6. Setelah lulus sebagai Sarjana Sains Kimia, atau Farmasi, atau Sains Komputer, apakah pekerjaan yang anda harapkan? Jika anda gagal memperolehi pekerjaan tersebut, apakah pekerjaan lain yang anda rasakan boleh anda lakukan. Kenapa anda memilih pekerjaan tersebut sebagai alternatif? Berikan alasan-alasan anda berdasarkan OPV, FIP dan PMI atau alasan lain yang munasabah.

7. Keadaan ekonomi yang sedang melanda negara kini boleh menyebabkan berlaku lebih ruang-ruang perniagaan dan pejabat. Dengan menggunakan beberapa stail berfikir, berikan cadangan-cadangan agar bangunan-bangunan yang sedang dibina dan yang telah siap dapat digunakan dengan berkesan dan tidak merugikan semua pihak.
8. Demokrasi memerlukan penglibatan rakyat dalam proses politik. Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh para pengundi supaya amalan salah guna kuasa di kalangan wakil rakyat yang mereka pilih tidak berlaku.

--oo000oo--